

## **BIDANG PERNIAGAAN MENJAMIN MASA DEPAN LEBIH CERAH**

Oleh: Nur Atikah binti Jefri, 1171749,

Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 30 July 2020*



Kita sering mendengar ramai anggota masyarakat termasuk golongan muda menceburi bidang perniagaan yang dilihat berpotensi untuk menjamin kehidupan yang baik.

Perkembangan ini seiring dengan kecanggihan teknologi terkini yang boleh dimanfaatkan untuk memasarkan produk masing-masing.

Ramai juga yang mengambil peluang untuk berniaga secara dalam talian selain menggunakan kaedah konvensional secara bersemuka dengan pelanggan.



Bidang perniagaan membantu mereka untuk beroleh kehidupan yang lebih berkualiti seiring dengan cabaran semasa yang timbul akibat kekurangan peluang pekerjaan serta cabaran-cabaran ekonomi yang lain.

Peribahasa menyatakan, “Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.” Memang benar bahawa setiap perkara perlu dimulakan dengan usaha yang gigih untuk mendapatkan hasil yang lebih berkualiti.

Namun, dalam dunia perniagaan, terdapat pelbagai cabaran yang timbul khususnya dari segi kewangan dan persaingan.

Dari segi kewangan, kita mesti mengetahui aliran kewangan secara tepat. Hal ini kerana, kunci kepada perniagaan yang berdaya maju adalah dengan memastikan setiap pengiraan yang dibuat adalah betul.

Selain itu, persaingan semakin sengit kerana semakin ramai yang berkecimpung dalam dunia perniagaan. Ramai peniaga menjual produk yang sama sekali gus membolehkan para pengguna mempunyai lebih banyak pilihan mengikut cita rasa dan kemampuan kewangan masing-masing.

Sebagai ahli perniagaan yang beragama Islam, kita perlu yakin dan bersyukur dengan segala ketentuan dan rezeki yang Allah SWT telah tetapkan untuk kita.

Firman Allah SWT: “Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan membukakan jalan keluar baginya. Dan, Dia memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangkanya. Dan, barangsiapa bertawakal kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupkan (keperluannya). Sungguh, Allah telah mengadakan ketentuan bagi setiap sesuatu.” (Surah At-Talaq: 2-3)

Maka, setiap perbuatan perlulah disertakan dengan niat yang baik dan segala tindakan yang dilakukan hanyalah kerana Allah SWT. Nescaya, kita akan beroleh sesuatu yang bermanfaat dan tidak disangka-sangka.

Begitu juga dengan berniaga, jika kita mengusahakannya dengan baik dan konsisten, tidak mustahil kita akan mendapat rezeki dan hasil yang tidak disangka-sangka sehingga boleh mengubah kehidupan.

Islam juga menggalakkan umatnya berniaga malah Nabi Muhammad SAW dikenali dengan kebolehan baginda sebagai seorang pedagang yang cekap dan berkebolehan.

Peniaga Muslim yang berjaya juga akan menyumbang kembali kepada ummah melalui pembayaran zakat yang seterusnya diagihkan kepada golongan asnaf.

Apabila semakin ramai umat Islam menguasai bidang perniagaan, ekonomi ummah juga akan menjadi semakin teguh serta mendorong kegiatan perdagangan yang berlandaskan hukum Islam.

Bidang perniagaan juga melatih kita untuk sentiasa bersabar menghadapi pelbagai dugaan dan berdepan dengan kerenah manusia yang bermacam ragam.

Seperti yang pernah dijelaskan oleh Pensyarah Pusat Teknologi dan Pembangunan Insan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Prof Dr. Shuhairimi Abdullah, Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha secara tekun dan produktif untuk memajukan kehidupan.

Maka, rebutlah peluang yang sentiasa terhidang dalam dunia perniagaan dan manfaatkannya untuk meningkatkan taraf kehidupan kita serta memperkasakan ekonomi ummah.